



**ISMAIL** (berdiri, empat kanan) bersama pasukan D'Six (duduk) dan 1KAL sebelum perlawanan akhir sepak takraw Sukan Staf UMS 2014.

## Staf UMS bantu jana ekonomi Labuan

UB 27-1-2014 A16

LABUAN: Penganjuran Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu membantu menjana ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, kehadiran kira-kira 800 atlet dan pegawai dan Kota Kinabalu dan Sandakan membantu menyemarakkan lagi ekonomi pulau bebas cukai itu.

Inikarantanya, pegawai dan atlet UMS menginap di hotel dipusat bandar, makan di restoran dan gerai makan dan membeli pelbagai barangan seperti coklat dan kain serta peralatan telekomunikasi dan kraftangan.

Malah, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Sukan Staf UMS Fasa 1 yakin kehadiran warga UMS itu turut merencanakan lagi industri pelancongan tempatan.

"Kehadiran begitu ramai warga UMS dari Kota Kinabalu dan Sandakan turut membantu menjana ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Beliau ditemui selepas menyampaikan hadiah pertandingan sepak takraw kategori veteran di Dewan Sekolah Kebangsaan Sungai Lada, kelmarin.

Dalam pertandingan itu, pasukan D'Six muncul johan selepas mengecewakan pasukan tuan rumah 1KAL di perlawanan akhir.



**ISMAIL** menyampaikan medal kepada pasukan SPL diperhatikan Pegawai Belia dan Sukan Gabriel Moinjil (kiri).

Manakala tempat ketiga dimenangi pasukan SPL Eagles dari Kampus Sandakan selepas menewaskan Hercules.

Majlis perasmian Sukan Staf Fasa 1 di Dewan Utama UMS Kampus Antarabangsa Labuan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Prof Dr Shariff Omang, Pendaftar UMS Datuk Abdullah Mohd Said selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sukan Staf UMS 2014, Bendahari UMS Rizal Othman dan Pengarah Pusat Sukan UMS Mohd Asyraf Foong Abdullah.

Seramai 800 atlet yang

mewakili lapan kontinjen iaitu Hercules, Twin Tower, D'Arts, SPL Eagles, Royal Esteem, D'Six, Science United dan tuan rumah 1KAL menyertai Sukan Staf UMS Fasa 1 di Labuan yang membabitkan lapan acara iaitu bola tampar wanita, bola sepak pantai, kayak, dart, catur, badminton, sepak takraw dan golf.

Ismail turut mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa UMSKAL, jabatan dan agensi kerajaan terutama Perbadanan Labuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pendidikan Labuan dan SK Sungai Lada kerana memberikan komitmen yang padu sehingga Sukan Staf Fasa 1 pada 24 hingga 26 Januari itu berjalan lancar.